

11/03/2004

Pembangkok habis isu serang peribadi PM: Dr M

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan serangan terhadap peribadi Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dibuat pemimpin Pas menjelang Pilihan Raya Umum ke-11 ini membuktikan pihak pembangkang sudah kehabisan isu.

Berikutan itu, katanya, pemimpin Pas terpaksa menukar taktik dengan melakukan serangan peribadi terhadap Perdana Menteri walaupun cara itu bertentangan dengan pemerintah Islam yang mereka laungkan selama ini.

"Ini menunjukkan mereka sebenarnya tidak ada isu. Sebab itu mereka hendak tukar kepada cara serangan peribadi yang tidak relevan dengan pemerintahan Islam," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas melancarkan Pusat Pemuliharaan Muzium Kesenian Islam di sini, semalam.

Pada 7 Mac lalu, Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang menggariskan tiga perkara akan dijadikan asas serangan terhadap keperibadian Abdullah iaitu kegagalannya membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim, menolak hudud serta mengambil tindakan berpilih dalam memerangi rasuah.

Dua hari sebelum itu, Abdul Hadi menyerang peribadi Abdullah dengan mempertikaikan tindakan Perdana Menteri yang mengimamkan solat tarawih Ramadan tahun lalu tetapi tidak mengimamkan solat jenazah ibunya, sambil menyifatkannya sebagai bertujuan mencari kelebihan politik.

Dr Mahathir mengulangi keyakinannya bahawa Barisan Nasional (BN) akan mendapat kemenangan lebih besar dalam pilihan raya kali ini, termasuk di Kedah, berbanding pada 1999.

Pada pilihan raya ke-10, katanya, Pas dan parti pembangkang lain mengeksploitasi isu Anwar untuk mendapat simpati bagi diri mereka sendiri tetapi perkara itu tidak lagi menjadi isu sekarang.

Bagaimanapun, katanya, terpulang kepada kepimpinan Umno dan BN sekarang untuk menentukan strategi menghadapi Pas dan pembangkang lain dalam pilihan raya kali ini.

Bekas Perdana Menteri juga mengulangi kenyataannya bahawa Umno menganggap parti itu pengamal Islam fundamental, bukan Islam moderat seperti tafsiran banyak pihak sehingga menyebabkan perpecahan di kalangan orang Islam sendiri.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata, kemenangan BN dalam pilihan raya kali ini membuktikan kepada dunia bahawa Islam bukan penghalang kepada kemajuan negara, kehidupan yang sihat, perhubungan yang baik, keamanan dan keharmonian antara orang Islam dengan bukan Islam.

Terdahulu, Dr Mahathir menyampaikan sijil kepada 10 peserta yang tamat mengikuti latihan pakar pemuliharaan di Pusat Pemuliharaan Muzium Kesenian Islam.

Pusat yang ditubuhkan Muzium Kesenian Islam Malaysia itu dan yang pertama di rantau ini bertujuan melatih pakar pemuliharaan bagi memenuhi keperluan perkhidmatan dan kepakaran dalam bidang berkenaan di Malaysia serta negara di Asia Tenggara.

Turut hadir Pengerusi Eksekutif Yayasan Al-Bukhary, Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary; Pengarah Muzium Kesenian Islam Malaysia, Syed Mohamad Albukhary, dan Pengarah Pusat Pemuliharaan, Friedrich Zink.